

Headline	Elak tebang pokok		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 May 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	43	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	283 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL EKHWAN HAQUE FAZLUL	AdValue	RM 10,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,235



# Elak tebang pokok

Sultan Selangor mahu pemaju, pengusaha industri utamakan kawasan hijau

>>Oleh Nurul Ekhwan Haque  
Fazlul Haque

**S**HAH ALAM: Pemaju perumahan di negeri ini disarankan menyediakan dana yang secukupnya untuk penghijauan alam sekitar di samping mengutamakan kawasan hijau untuk menaikkan taraf kualiti alam sekitar, titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Titah baginda, kewujudan kawasan hijau sebagai komponen utama sesebuah projek perumahan untuk pembangunan keseluruhan Selangor bagi persekitaran kesihatan fizikal, mental dan spiritual berkualiti.

“Beta berkenan supaya pihak pemaju dan pengusaha industri serta individu agar tidak menebang pokok sewenang-wenangnya terutama pokok yang hidup membesar dengan subur.

“Pokok bernilai untuk kestabilan ekologi dan alam se-

kitar dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Sebanyak 1,500 pokok dari 50 spesies akan ditanam di Taman Idaman yang turut menaik taraf dari taman awam kepada taman ‘hutan mini’ yang dijangka siap sepenuhnya menjelang September tahun ini.

Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, usaha penghijauan alam sekitar perlu menjadi agenda utama pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh Selangor agar usaha penghijauan yang dilakukan mempunyai kesinambungan.

Baginda bertitah, penanaman pokok untuk penghijauan juga bagi menyokong inisiatif menyelamatkan alam sekitar ke arah alam sekitar hijau mapan yang dapat memenuhi keperluan masa kini.

Sebenarnya kita perlu menunggu untuk tempoh masa yang lama dan kadang-kadang sehingga berpuluh tahun untuk pokok membesar dengan subur dan berkualiti,” titah baginda dalam ucapan sempena majlis pelancaran ‘Tress to Green’ di Taman Idaman, Alam Impian, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi I&P Group Sdn Bhd (I&P Group), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Ir Jamaludin Osman.

I&P Group adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB) membangunkan projek Taman Idaman seluas 124 hek-



LAWAT...Jamaludin (kanan) menerangkan kawasan Taman Idaman kepada Sultan Sharafuddin di Majlis Perasmian Trees To Green, semalam.